

Dialami penduduk Batu 8, Jalan Bukit Kemuning sejak beberapa tahun lalu 30 rumah dilanda banjir kilat

Oleh **MOHD. AINUDDIN ALIFF SALEHUDEN**
kota@utusan.com.my

SHAH ALAM 15 Mac - Kira-kira 30 buah rumah yang didiami 200 penduduk di Kampung Batu 8, Jalan Bukit Kemuning di sini dinaiki air ekoran banjir kilat selepas hujan lebat petang ini.

Banjir kilat yang bermula pukul 5 petang iaitu selepas hujan lebat dipercayai berpunca daripada sistem perparitan yang lemah serta tidak disenggara dengan baik.

Difahamkan, kejadian banjir kilat yang menyebabkan para penduduk mengalami kerugian akibat kerosakan harta benda ini sering dialami sejak beberapa tahun lalu.

Seorang penduduk, **G. Vanatheyi**, 50, berkata, dia sedih kerana banyak barang keperluan harian di rumahnya rosak setiap kali banjir menimpa kawasan itu.

Vanatheyi yang telah menetap di kawasan itu sejak lebih 25 tahun lalu turut menghidap penyakit asma sejak kawasan rumahnya sering dilanda banjir.

"Saya kesal kerana kawasan ini mudah dilanda banjir setiap kali hujan kerana kawasan ini tidak ada

sistem longkang dan perparitan yang baik. Jika banjir kilat berlaku waktu malam pasti kami sekeluarga tidak dapat tidur," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di sini hari ini.

Sementara itu, seorang lagi penduduk yang ditemui, **R. Punitha**, 33, berkata, dia kecewa dengan Kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor kerana gagal memperbesarkan longkang di kawasan itu meskipun penduduk telah beberapa kali membuat aduan mengenai masalah banjir yang dihadapi.

"Malah, setiap kali banjir tidak ada mana-mana agensi kerajaan negeri yang turun padang untuk memberi bantuan kepada kami," ujarinya.

Vijiya Kumar, 30, turut melahirkan rasa kecewanya terhadap Kerajaan PKR Selangor kerana sehingga hari ini masih gagal menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan itu.

"Semasa berkempen pada pilihan raya umum lalu di kawasan ini, PKR berjanji akan mengatasi masalah ini dengan membina longkang yang lebih besar tetapi hingga hari ini ia hanyalah janji manis yang tidak dikotakan," tegasnya dengan nada kesal.



VIJIYA KUMAR



R. PUNITHA (kanan) dibantu oleh jirannya untuk mengangkat barangan di rumahnya ke tempat selamat apabila banjir kilat melanda Kampung Batu 8 di Jalan Bukit Kemuning, Shah Alam petang semalam. - UTUSAN/AHMAD FADZLY ESA